

31 DEC 2001

Mahathir-Ihsan

TINDAKAN PECAT KETUA EKSEKUTIF TATI ZALIM, KATA DR MAHATHIR

PORT DICKSON, 31 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan kerajaan PAS Terengganu memecat Ketua Pegawai Eksekutif Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (TATI) Prof Dr Mohd Zaki Abdul Muin sebagai zalim.

"Zalimlah tu...itulah pandangan saya. Ambil orang baru kerja kemudian buang dengan sewenang-wenangnya, tak ada perbicaraan, tak ada bagi tunjuk sebab, ataupun apa-apa, buang sahaja," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis tamat latihan rekrut siri 147/2001 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda), di sini.

Beliau berkata sekiranya kerajaan Barisan Nasional (BN) bertindak sedemikian, pembangkang akan menuduh kerajaan BN dengan pelbagai tuduhan termasuk bertindak zalim.

Menurutnya lagi, apabila kerajaan PAS memegang tampuk pemerintahan Terengganu tidak ada belas kasihan kepada kakitangan yang didapati menentang mereka.

"Semasa BN berkuasa masih juga kita bagi gaji kepada mereka (yang menentang), simpan mereka dalam kerajaan tetapi, bila PAS berkuasa, tak adalah untung, belas kasihan, ada can buang, cantas," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan kerajaan PAS Terengganu memberhentikan Dr Mohd Zaki, dengan notis 24 jam berkuatkuasa Khamis lepas kerana didakwa mengingkari arahan Kerajaan Negeri itu, termasuk tidak menyerahkan wang ihsan yang disalurkan kerajaan pusat kepada institusi berkenaan.

Ditanya mengenai arahan kerajaan PAS Terengganu kepada semua institusi pendidikan di negeri itu supaya wang ihsan daripada kerajaan pusat diserahkan kepada Kerajaan Negeri, Dr Mahathir berkata ia menunjukkan kerajaan PAS Terengganu berada dalam keadaan tertekan.

"Itu juga menunjukkan mereka berada dalam keadaan tertekan, (institusi berkenaan) terpaksa menyerah wang ihsan yang diterima. Dan orang yang ambil wang itu, kita tak halalkan...haram, bukan kita bagi kat dia," katanya.

Mengenai calon BN yang akan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Indera Kayangan di Perlis, Perdana Menteri berkata sehingga kini beliau belum menerima senarai calon berkenaan.

"Saya belum diberikan senarai calon-calon itu, apabila saya perolehinya saya akan buat keputusan," katanya.

Mengenai ketibaan Tahun Baru 2002 esok, Dr Mahathir berharap tahun 2002 lebih baik daripada tahun 2001.

"Tahun 2001 banyak masalah. Kita tak akan ada tahun lain semacam tahun 2001. Saya berharap 2002 akan lebih baiklah...bagi kita semua termasuk pemberita dan akhbar," katanya.

-- BERNAMA

APG SBS PR